

Pihak staf Sekolah Pertanian Lestari bersama pelajar tiga program iaitu Pengeluaran Tanaman, Hortikultur & Landskap dan Pengeluaran Ternakan berpeluang untuk melawat pameran pertanian terbesar di Asia Tenggara iaitu 'Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition 2008 (MAHA 2008)' anjuran Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia pada 11-23



Ogos 2008 di Serdang, Selangor. Pameran tersebut disertai oleh lebih daripada 950 delegasi dari dalam dan luar negara Malaysia untuk mempamerkan produk pertanian.

Selain itu, pihak sekolah juga berpeluang memperkenalkan SPL semasa pameran tersebut kepada orang ramai yang seterusnya dapat menarik perhatian lebih ramai pelajar untuk menyertai UMS. Aktiviti ini harus dikekalkan kerana ia jelas telah membuka minda pelajar SPL terhadap aktiviti pertanian untuk diterokai bagi memajukan industri pertanian negara kita.

